

## Ulasan Buku / Book Review

Pengenalan Pemikiran Kritis & Kreatif oleh Mohd Azhar Abd Hamid.  
2014. Cetakan Keenam. Johor Bahru: Penerbit UTM, 444 halaman.

Diulas oleh

<sup>1</sup>IBRAHIM ABU BAKAR

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia,  
06010 UUM Sintok, Kedah

---

Berdasarkan rekod penerbitan buku ini, cetakan pertama 2001, kedua 2004, ketiga 2005, keempat 2013 dan cetakan kelima dan keenam 2014. Saya beranggapan naskhah buku yang saya beli ini cetakan keenam 2014 walaupun di halaman judulnya ditulis 2004. Penulis buku ini berkelulusan ijazah Sarjanamuda (UKM 1992) bidang kajian bahasa, Sarjana (UTM 1997) dan Doktor Falsafah (UTM 2012). Beliau mulai berkarya sejak 2001 dan berjawatan akademik di UTM.

Nampaknya buku ini mendapat sambutan dalam kalangan para pelajar di UTM yang mengambil kursus Pemikiran Kritis dan Kreatif (UPH 3122) yang ditawarkan oleh UTM. Pada awalnya buku ini ‘merupakan himpunan nota kuliah UHP 3122’ dan ‘mengandungi lima belas bab yang memerihalkan tajuk-tajuk khusus tentang Pemikiran Kritis dan Kreatif’ (h. xiii).

Bab 1, 2 dan 3 menjelaskan falsafah berfikir (h. 1-33), persepsi-logik dan proses berfikir (h. 35-64), dan teori otak, dan konsep pemikiran (h. 65-89). Bab 4 hingga Bab 8 menjelaskan pemikiran kreatif melalui konsep dan fungsi pemikiran kreatif (h.91-118), merangka dan membina soalan kritis (h.119-150), membina konsep (h. 191-175), membina hujah (h. 177-215) dan analisa sumber maklumat (h. 217-248).

Pemikiran kreatif dijelaskan dalam Bab 9 hingga Bab 14 melalui tajuk-tajuk pemikiran kreatif konsep dan fungsi (h. 249-299), teknik berfikir kreatif (h. 301-321), teknik pemikiran kreatif sendiri (h. 323-352), teknik pemikiran kreatif

---

*Corresponding author: Ibrahim Abu Bakar, Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Mel-e:ibrahimabkar50@gmail.com*

*Diserahkan:6 Ogos 2015*

*Diterima:6 Oktober 2015*

*DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0802-10>*

339

kumpulan (h. 353-386), ‘CoRT 1’ paradigma persepsi-kreatif (h.387-404), dan ‘CoRT 4’ paradigm kreatif (h. 405-422). Bab 15 membuat kesimpulan pemikiran kritis dan kreatif.

Teknik penulisan buku ini bermula dengan ‘Pengenalan’ dan berakhir dengan ‘Kesimpulan’ untuk 14 bab dalam buku ini. Bab 15 sahaja yang ada pengenalan tetapi tidak ada kesimpulan. Teknik penulisan rujukan dalam teks buku ini adalah teknik pengarang-tarikh tetapi teknik ini tidak digunakan dalam bab-bab tertentu seperti Bab 13 dan 14 yang dikatakan dikemukakan oleh Edward de Bono sejak 1970an. CoRT adalah nama ringkas kepada Cognitive Research Trust. E. D. Bono mengemukakan 6 CoRT tetapi Mohd Azhar hanya memilih CoRT 1 ‘Breath’ yang ada 10 pelajaran dan CoRT 4 ‘Creativity’ yang ada 10 pelajaran. Jumlah pelajaran daripada Enam CoRT adalah 60 (10x6). Tidak ada penjelasan sebab penulis meninggalkan CoRT 2, 3, 5 dan 6. Rajah-rajah dalam Bab 13 dan 14 juga tidak dinyatakan sumber atau rujukannya. Oleh kerana tiada sumber atau rujukan, maka semua rajah dalam Bab 13 dan 14 adalah hasil kreatif original MohdAzhar sendiri, bukan diambil daripada karya E. D. Bono. Apakah betul demikian?.

Teknik penulisan rujukan dalam teks tidak sejajar dengan teknik penulisan dalam Bibliografi (h. 433-437). Banyak rujukan pengarang-tarikh dalam teks tidak terdapat judul karya dan tarikh penerbitannya dalam Bibliografi. Ini menimbulkan tanda tanya sama ada Mohd Azhar membaca rujukan-rujukan yang ditulis dalam teks atau hanya membaca sumber sekunder kepada para pengarang berkenaan. Contohnya, h.7, ‘Menurut Ghazali (1998), setiap manusia’ Untuk menjelaskan konsep berfikir (h.77-79), Mohd Azhar memetik pendapat Robert Weisberg, 1880, dan adakah ianya merujuk kepada Robert 1980 (h. 436)? Pengarang-tarikh yang tidak ada judul karya mereka dalam Bibliografi adalah Dewey 1933; Bartlett 1958; Dominowski 1971. Rujukan kepada Chaffe (1977) tetapi dalam Bibliografi (h. 434) Chaffe, J. 1988? Ejaan Chaffe tidak betul kalau dirujuk kepada John Chaffee dan bukunya, *Thinking Critically*, edisi kesepuluh 2012. Petikan daripada (Costa 1985; Fraenkal 1988; Nickerson 1987; Presseisen 1987; Sigel 1984) tidak ditemui data judul-judul karya para pengarang berkenaan dalam Bibliografi. Rujukan kepada (Richard 1988) atau (Richard 1980) (h. 436)?

Rujukan pengarang-tarikh untuk definisi pemikiran kritis (h. 94-96) perlu disemak semula dan dikemaskinikan supaya para pembaca dapat membuat rujukan lanjutan kepada karya-karya oleh para pengarang seperti (Dewey 1933; Ennis 1985; Hitchcock 1983; Moor dan Parkar 1986; Stephen 1986; Meyers 1986; Chaffe 1990; Scriven dan Paul 1995; Som dan Mohd Dahalan 1999). Adakah ayat Melayu ini betul? “Maklumat tidak mempunyai makna jika kita dapat menilai kegunaannya”(h. 103).

Untuk menjelaskan definisi konsep (h. 154), Mohd Azhar memetik pendapat (Aristotle, 450 s.m.), dan Chaffe (1995). Adakah judul-judul karya dua pengarang itu yang ditulis dalam Bibliografi?

Rajah 6.2 bersumber daripada Sufean dan Abd. Rahim (1995) sedangkan dalam Bibliografi ditulis Abdul Rahim dan Sufean.

Untuk menjelaskan definisi hujah (h. 180-181), Mohd Azhar memetik pendapat-pendapat (Chaffe 1990; Salmon 1995; Ainon dan Abdullah 1996). Masalahnya tahun-tahun untuk karya-karya Chaffe dan Salmon dalam Bibliografi berbeza daripada tahun yang ditulis untuk petikan-petikan dalam teks. Masalah kepada karya Ainon dan Abdullah pula terdapat tiga judul karya yang berlainan yang diterbitkan pada 1996. Judul karya yang manakah yang dipetik oleh Mohd Azhar?

Untuk menjelaskan kreatif sebagai gaya hidup (h. 252-253), Mohd Azhar memetik pendapat-pendapat ilmuwan (Hopkins 1937; Fomm 1959; Maslow 1959; Andrews 1961; Torrance 1974). Judul-judul karya mereka ini tidak terdapat dalam Bibliografi. Dalam kes Torrance terdapat judul karya tetapi tahun terbitan berlainan iaitu 1973, bukan 1974. Untuk menjelaskan kreatif sebagai proses intelektual (h. 253-254), dan sebagai penghasilan produk/objek (h. 254-255) dan sebagai proses imaginasi (h. 256), Mohd Azhar memetik pendapat-pendapat para ilmuwan. Beliau perlu semak dan pastikan kewujudan data yang tepat mengenai judul-judul karya dan tahun terbitan karya yang dijadikan rujukan.

Rajah 9.1 tidak ada sumber rujukan dan di bawah rajah itu ditulis, Rasulullah SAW (Kreatif Supra Tinggi) tanpa memberikan justifikasinya. Saya berpendapat Nabi Muhammad SAW tidak boleh dimasukkan dalam senarai tokoh kreatif kerana definisi kreatif tidak boleh diguna pakai kepada baginda sebab sumber ilmu baginda adalah Wahyu daripada Allah, bukan pemikiran akal yang kreatif dan imaginatif. Ayat Quran dalam surah al-Najm menyatakan sumber baginda adalah wahyu yang diwahyukan kepada baginda.

Oleh kerana setiap definisi *falasi* tidak ada rujukan, maka adakah ianya diberikan definisi oleh Mohd Azhar sendiri? Membaca buku-buku mengenai *falasi*, saya berpendapat Mohd Azhar mengambil nama-nama *falasi* daripada buku-buku yang dibacanya tanpa menulis rujukannya. Saya tidak fikir nama-nama *falasi* dalam bahasa asing itu ciptaan atau kreativiti Mohd Azhar sendiri. Kalaupun beliau berusaha menterjemahkan ke bahasa Melayu nama *falasi* dalam bahasa asing, rujukan kepadanya secara akademik perlu dinyatakan.

Buku ini memberikan sumbangan kepada pemikiran kritis dan kreatif dalam media bahasa Melayu terutama para pelajar yang perlu mengambil kursus yang ditawarkan oleh UTM. Untuk cetakan seterusnya buku ini perlu disemak dari sudut rujukan yang ditulis pengarang-tarikh dalam teks buku ini berbanding dengan senarai rujukan yang ditulis dalam halaman-halaman Bibliografi. Saya mencadangkan pernyataan Rasulullah SAW (Kreatif Supra Tinggi) ditiadakan daripada halaman 292 kerana pernyataan itu tidak ilmiah dan tidak ada sokongan daripada Quran dan hadis.